

DASAR SELAMAT DARIPADA BAHAYA

SAFE FROM HARM POLICY



**The Scouts Association
of Malaysia**



S	A	F	E
F	R	O	M
H	A	R	M

Telah diluluskan oleh,
MESYUARAT EKSEKUTIF PENGAKAP NEGARA (MEPN)
NO. RUJUKAN : PPM-6(013)/2021
BERTARIKH : 18 SEPTEMBER 2021

DASAR SELAMAT DARIPADA BAHAYA ***SAFE FROM HARM POLICY***

NO. RUJUKAN PLN : PPM-21/3(05)/2021
BERTARIKH : 14 OGOS 2021

Telah diluluskan oleh,
MESYUARAT EKSEKUTIF PENGAJAP NEGARA (MEPN)
NO. RUJUKAN : PPM-6(013)/2021
BERTARIKH : 18 SEPTEMBER 2021

Hak cipta terpelihara milik,
PASUKAN LATIHAN NEGARA
PERSEKUTUAN PENGAJAP MALAYSIA
RUMAH BP, JALAN HANG JEBAT,
50150 KUALA LUMPUR, MALAYSIA

KANDUNGAN

TABLE OF CONTENTS

1. SIAPA KAMI? <i>Who Are We?</i>	3
2. SELAMAT DARIPADA BAHAYA: KONTEKS PERTUBUHAN ANTARABANGSA UNTUK PERGERAKAN PENGAKAP <i>Safe From Harm: World Organization of the Scout Movement Context</i>	4
3. PPM – PERNYATAAN DASAR SELAMAT DARIPADA BAHAYA <i>PPM – Safe From Harm Policy Statement</i>	4 – 5
4. MATLAMAT <i>Purpose</i>	5
5. VISI SELAMAT DARIPADA BAHAYA PPM <i>PPM's Safe From Harm Vision</i>	6
6. MISI SELAMAT DARIPADA BAHAYA PPM <i>PPM's Safe From Harm Mission</i>	6
7. DEFINISI: RUJUKAN DARIPADA DASAR SELAMAT DARIPADA BAHAYA PPM <i>Definiton: Referred from WOSM Safe From Harm Policy</i>	7



SIAPA KAMI?

WHO ARE WE?

Pergerakan Pengakap merupakan sebuah pergerakan pendidikan bukan politik bagi golongan muda remaja adalah terbuka kepada semua, tanpa mengira etnik, jantina, dan kepercayaan. Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM) menawarkan aktiviti kepada semua golongan muda remaja yang berumur antara 5 hingga 26 tahun dalam pembangunan aspek emosi, intelektual, fizikal, sosial, dan kerohanian semua individu. Sebagai seorang ahli kepada komuniti tempatan, kebangsaan, dan antarabangsa, Pengakap membentuk golongan muda remaja untuk menjadi warganegara yang bertanggungjawab kepada komunitinya. Berdasarkan kepada hala tuju Pertubuhan Antarabangsa untuk Pergerakan Pengakap (WOSM), Pengakap adalah pelindung kepada alam sekitar dan merupakan medium kepada pembangunan muda remaja di seluruh dunia, di mana prinsip ini disokong sepenuhnya oleh PPM.

The scouting movement, a non-political educational movement for young people that is open to all, regardless of ethnic, gender and belief. The Scouts Association of Malaysia (PPM) offers activities to all young people between the ages 5 to 26 years in the development of emotional, intellectual, physical, social and spiritual aspects of all individuals. As a member of the local, national and international community, scouting moulds young people to be a responsible citizen to its community. According to the direction of the World Scout Organization Movement (WOSM), scouts are protectors of the environment, and it is the development of young people worldwide, where PPM follows that basis.

Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM) disertai oleh golongan muda remaja dan dewasa yang menyokong pergerakan ini. PPM memainkan peranan sebagai sebuah pergerakan yang menumpukan kepada kebajikan ahli-ahlinya melalui pelaksanaan aktiviti kepengakapan di semua peringkat usia. PPM memberikan fokus dan keutamaan kepada pelaksanaan Dasar Selamat Daripada Bahaya (WOSM) dan mempraktikkan kandungan tersebut. PPM turut mengadaptasi dan membuat penajaran dengan Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Kebangsaan agar selari dengan Dasar Selamat Daripada Bahaya semasa melaksana serta menjalankan aktiviti-aktiviti yang melibatkan semua ahli Persekutuan Pengakap Malaysia.

The Scout Association of Malaysia (PPM) comprises both young people and adults who support the movement. PPM as a movement focuses on the welfare of its members carrying out the activities of scouting at all levels. As a priority, PPM supports the Safe From Harm Policy (WOSM) and practices what is contained in the policy. PPM also holds and adopts the National Child Protection Policy when implementing and running activities of the stewardship and adopting a safe from harm policy for all members of the Scouts Association of Malaysia.

SELAMAT DARIPADA BAHAYA

Konteks Pertubuhan Antarabangsa untuk Pergerakan Pengakap (WOSM)

SAFE FROM HARM

World Organization of the Scout Movement (WOSM) Context

Dasar Selamat Daripada Bahaya Sedunia mensasarkan keselamatan ahli Pengakap daripada bahaya melalui sokongan kepada kerangka pembangunan Kebangsaan dengan keberkesanan lokaliti setempat. Ini akan menggalakkan kesejahteraan, pembangunan secara sihat serta memastikan keselamatan kanak-kanak dan golongan muda remaja dengan penyediaan persekitaran yang selamat sepanjang pelibatan mereka dalam Pergerakan Pengakap.

World Safe from Harm Policy aims to keep Scouts safe from harm by supporting the development of national frameworks with local effectiveness. This will promote the wellbeing, healthy development and safety of children and young people by providing them with a safe environment throughout their time in the Scout Movement.

PPM – PERNYATAAN DASAR SELAMAT DARIPADA BAHAYA

PPM - SAFE FROM HARM POLICY STATEMENT

Sejajar dengan Dasar Selamat Daripada Bahaya WOSM, Dasar Selamat Daripada Bahaya PPM menyatakan bahawa asas kepengakapan melibatkan golongan muda remaja, dewasa, dan pemegang taruh. Selamat daripada bahaya merupakan tanggungjawab setiap Pemimpin Dewasa dan golongan dewasa yang terlibat di dalam sebarang acara dan aktiviti kepengakapan.

Aligning with WOSM Safe from Harm Policy, PPM's Safe from Harm Policy states the basis of Scouting involving young people, adults and stakeholders. Safe from harm is the responsibility of every adult leader and adults involved in scouting, its events and activities.

PPM beriltizam untuk mengawasi dan melindungi kebajikan golongan muda remaja (Pengakap), Pemimpin, dan pemegang taruh yang terlibat dalam kepengakapan, dengan memastikan bahawa keselamatan golongan muda remaja dan dewasa diberikan keutamaan.

PPM is committed to safeguard and protect the welfare of the Young People (Scouts), Leaders and stakeholders involved in Scouting, keeping young people and adults safe as our utmost priority.

Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Persekutuan Pengakap Malaysia boleh dirujuk melalui dokumen Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Persekutuan Pengakap Malaysia (Mac, 2016).

Persekutuan Pengakap Malaysia's Child Protection Policy can be referred to in Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Persekutuan Pengakap Malaysia (March, 2016) document.

Dasar ini diwujudkan mengikut Akta Kanak-Kanak Malaysia 2001 (Akta 611) dan digunapakai sebagai standard piawaian pelaksanaan minimum yang selari dengan nilai prestasi yang telah ditetapkan di dalam PPM berkaitan Dasar Selamat Daripada Bahaya, yang melengkapi dasar, garis panduan, dan prosedur Kebangsaan yang lain.

This policy is created in accordance to the Malaysia Child Act 2001 (Act 611) and serves as a minimum level of implementation consistent with the expected performance in PPM regarding the World Safe from Harm Policy, complementing other National policies, guidelines and procedures.

MATLAMAT

PURPOSE

Mewujudkan hala tuju kepada golongan muda remaja, dewasa, dan pemegang taruh di dalam kepengakapan dengan menggalakkan keberkesanan promosi Dasar Selamat Daripada Bahaya Kebangsaan dengan cetusan kesedaran melalui pendekatan sistematik, iaitu:

- Pewujudan program kesedaran Selamat Daripada Bahaya untuk semua,
- Menarik minat dan pelibatan golongan muda remaja, dewasa, dan pemegang taruh di dalam ruang lingkup Selamat Daripada Bahaya,
- Mempromosi dan menggalakkan tingkah laku terpuji,
- Menggalakkan akses kepada pendidikan melalui kepengakapan,
- Memastikan pengamalan kesedaran berkaitan keselamatan ketika menjalani aktiviti kepengakapan, dan
- Membentuk set kemahiran individu yang berhubung kait dengan keselamatan

To create a direction for the young people, adults and stakeholders in Scouting by facilitating an effective promotion of the National Safe from Harm Policy through creating awareness with a systemic approach by:

- *Creating a Safe from Harm awareness program for all,*
- *Engaging and involving young people, adults and stakeholders in the areas of Safe from Harm,*
- *Promoting and encouraging positive behavior,*
- *Encouraging access to education in Scouting,*
- *Administering safety awareness in conducting Scouting activities, and*
- *Developing individual skill sets in relation to safety*

VISI SELAMAT DARIPADA BAHAYA PPM

PPM's SAFE FROM HARM VISION

- PPM perlu bebas daripada sebarang salah laku, bebas terhadap mana-mana salah laku, atau di antaranya yang membabitkan golongan muda remaja dengan dewasa.
 - “Tahu” bagaimana untuk bertindak sekiranya berlaku salah laku, atau penyalahgunaan kuasa.
 - Perlindungan terhadap golongan muda remaja menjadi tanggungjawab setiap orang dewasa yang terlibat di dalam PPM.
 - Kesemua golongan dewasa yang terlibat di dalam kepengakapan perlu menyedari bahawa salah laku boleh berlaku di mana-mana dan pada bila-bila masa. Golongan dewasa hendaklah berkeupayaan untuk mengenalpasti salah laku tersebut, menanganinya, dan mengambil tindakan yang bersesuaian dengan kes-kes dan isu-isu salah laku.
 - Kesihatan, kesejahteraan, dan keselamatan setiap individu yang menjadi ahli PPM menjadi keutamaan.
 - Ini merupakan keutamaan mutlak bagi PPM.
-
- *PPM is to be free from abuse or abuse against or between young people and adults.*
 - *'Know how' to react if they find there is instance abuse, or abuse of authority.*
 - *The protection of young people is the responsibility of each adult involved in PPM.*
 - *All adults involved in scouting should be aware that abuse can occur any place and any time. Adults should be able to recognize it, face it and take appropriate action against cases or issues of abuse.*
 - *The health, wellbeing and safety of each individual member involved in PPM is the first priority.*
 - *This is the absolute Priority for PPM*

MISI SELAMAT DARIPADA BAHAYA PPM

PPM's SAFE FROM HARM MISSION

- Mewujudkan kesedaran berkaitan kepentingan persekitaran yang selamat dalam kepengakapan.
 - Menyediakan hala tuju sekiranya berlaku kes atau sebarang kebimbangan berlakunya salah laku
 - Menyokong semua ahli pergerakan untuk menjalankan aktiviti kepengakapan secara selamat.
 - Melengkapkan semua ahli pergerakan dengan kemahiran dan kesedaran ketika menjalankan aktiviti kepengakapan dengan selamat
-
- *To create awareness on the importance of a safe environment in Scouting.*
 - *To provide a direction in the case of abuse or concerns.*
 - *To support all members in the movement to safely conduct scouting activities.*
 - *To equip all members in the movement skills and awareness to safely conduct scouting activities.*

DEFINISI

Rujukan daripada Dasar Selamat Daripada Bahaya WOSM

DEFINITION

Referred from WOSM Safe From Harm Policy

Selamat Daripada Bahaya:

Dalam konteks kepengakapan, memastikan kanak-kanak dan golongan muda remaja agar selamat daripada bahaya merangkumi semua aspek kerja perlindungan kanak-kanak dan golongan muda remaja, termasuk kepelbagaian strategi, sistem, dan prosedur yang menyeluruh bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan, perkembangan, dan keselamatan kanak-kanak serta golongan muda remaja sebagai keutamaan di dalam semua aktiviti kepengakapan. Dalam konteks Pertubuhan Pengakap Kebangsaan (NSO), pelaksanaan dasar ini memerlukan pendekatan yang sistematik untuk menghindari di samping bertindak balas terhadap sebarang situasi yang mungkin menjejaskan kesejahteraan, perkembangan, dan keselamatan kanak-kanak serta golongan muda remaja.

Safe from Harm:

In the context of Scouting, keeping children and young people safe from harm encompasses all areas of child and youth protection work, and includes a full range of strategies, systems and procedures that aim to promote that the well-being, development and safety of children and young people is a priority in all Scouting-related activities. Within the context of an NSO, the implementation of the policy requires putting in place a systemic approach to prevent and react to situations that may affect the well-being, development and safety of children and young people.

Perlindungan Kanak-Kanak dan Golongan Muda Remaja:

Terma ini digunakan untuk mentakrifkan semua perlindungan dan penjagaan kebajikan kanak-kanak dan golongan muda remaja, tidak hanya terhad kepada:

- Melindungi kanak-kanak dan golongan muda remaja daripada sebarang penderaan,
- Mengelakkan kemerosotan perkembangan kesihatan orang muda remaja,
- Memastikan penyediaan persekitaran yang sesuai untuk kanak-kanak dan golongan muda remaja agar mereka dapat membesar dan terus berkembang,
- Mengambil tindakan untuk mempromosikan keselamatan kanak-kanak dan golongan muda remaja dalam semua keadaan.

Child and Youth Protection:

This term is used to define the safeguarding and promotion of the welfare of children and young people, which includes but is not limited to:

- *Protecting children and young people from abuse,*
- *Preventing the impairment of a young person's health or development,*
- *Ensuring that Scouting is providing children and young people with a healthy environment in which they can grow and develop,*
- *Taking action to promote the safety of children and young people in all possible situations.*



**Ensuring and Providing a safe environment
is the top priority of
The Scouts Association of Malaysia!**



Isi kandungan Tatakelakuan ini
adalah tertakluk kepada sebarang pindaan, perubahan, pengemaskinian
atau sekiranya terdapat sebarang keperluan
bagi tujuan semakan semula kandungan

*The content of this Code of Conduct
is subject for updates and change and/or deemed
whenever there is a necessity*